

02 MAR 1998

Mahathir-Pelaburan

MALAYSIA SAMBUT BAIK LEBIH BANYAK PELABURAN ASING, KATA MAHATHIR

PETALING JAYA, 2 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia menyambut baik lebih banyak pelaburan asing termasuk pelaburan dari Taiwan untuk membantu memperkukuhkan ekonomi negara.

Beliau menjawab soalan seorang pemberita dari Taiwan yang bertanya tentang peranan Taiwan membantu ekonomi Asean yang bermasalah.

"Kita menyambut baik pelaburan Taiwan pada masa lalu. Saya berpendapat jika Taiwan dapat meningkatkan pelaburannya, maka itu cukup membantu," kata Dr Mahathir ketika ditemui pemberita selepas sesi pembukaan Dialog Perkongsian Bijak Kebangsaan di sini hari ini.

Beliau berkata Malaysia setakat ini dapat mengelak daripada memohon bantuan daripada Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) ialah kerana kerajaan dan sektor swasta tidak "meminjam terlalu banyak pada masa lampau".

"Kita cukup berhemat dalam pengurusan kewangan negara dan mengamalkan sikap yang cukup konservatif."

"Bagaimanapun, apabila nilai ringgit susut, sudah tentu kita menghadapi masalah kerana kita menjadi lebih miskin," kata beliau.

Pemberita dari Taiwan itu seterusnya bertanya mengenai hubungan masa depan antara Malaysia dan Taiwan.

Kepada soalan itu, Dr Mahathir berkata: "Kita mengamalkan dasar satu China tetapi kita juga sentiasa menjalin hubungan dengan Taiwan." --

BERNAMA

RAZ rn FAZ